

sains

KERATAN AKHBAR

14 JULAI 2023

**NEW
STRAITS TIMES**

Star Kosmo!

**Utusan
MALAYSIA**

**Sinar
BERITA HARIAN**

**astro
AWANI**

NOGORI KITO

facebook

**THE EDGE
MARKETS**

Sun

**FMT
news**

**malaysiakini
terkini untuk anda**

BERNAMA

**MEDIA
RANIA**

**星洲日報
SIN CHEW DAILY**

**南洋商報
NANYANG SIANG PAU**

**中國報
CHINA PRESS**

malaymail

Air Selangor atasi cabaran NRW

14 JULAI 2023
JUMAAT



Abas (empat dari kanan) dan Ahmad Faizal (lima dari kanan) bergambar bersama tetamu yang hadir pada Majlis Pelancaran Kempen 'NRW Reduction Becoming Mainstream' di Kuala Lumpur pada Khamis.

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) melancarkan Kempen 'NRW Reduction Becoming Mainstream' bertujuan untuk melibatkan orang awam dalam usaha mengurangkan kadar Air Tidak Terhasil atau Non Revenue Water (NRW).

Air Selangor dalam satu kenyataan berkata, pelancaran kempen tersebut merupakan satu langkah penting dalam usaha untuk mengatasi cabaran NRW yang dihadapi dalam pengurusan perkhidmatan air sekali gus memberi tumpuan kepada penglibatan semua pihak dalam aktiviti pengurangan NRW.

SAMBUNGAN

Menurut kenyataan itu, sebelum ini, penyedia perkhidmatan air dan pihak penguatkuasa, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) merupakan pihak utama yang terlibat dalam usaha tersebut.

“

“Air Selangor ingin memastikan inisiatif pengurangan NRW dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan memberikan impak yang lebih besar selepas pelancaran kempen itu dengan meluas.

“Ini sejajar dengan matlamat sasaran jangka masa panjang untuk menurunkan kadar NRW kepada 25 peratus pada 2025 dan 23 peratus pada 2030.

“Kempen ini memperkenalkan dua inisiatif baharu, 'Air Selangor Leak Reporting Campaign' dan penggunaan teknologi Body-Worn Camera (BWC) oleh pegawai penguatkuasa Air Selangor,” jelas kenyataan itu.

“Kedua-dua negara ini mencatatkan statistik jauh lebih tinggi dengan 90 peratus kebocoran dilaporkan oleh orang ramai.

“Melalui inisiatif 'Air Selangor Leak Reporting Campaign', kami berharap dapat menggalakkan orang ramai melaporkan segera insiden kebocoran, yang akan membantu mengurangkan kadar NRW dengan lebih efektif,” kata Abas.

Majlis Pelancaran Kempen 'NRW Reduction Becoming Mainstream' telah diadakan pada Khamis yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman.